

**Kesantunan dan Notis di Papan Tanda Masjid:
Cerminkan Sikap Terhadap Kanak-Kanak**

**Mohd Baharim bin Mayidin^{1,a}, Mohd Ramizan bin Mat^{2,b},
Muhammad Luqman Ibnul Hakim bin Mohd Saad^{3,c}, Razimi bin Zakaria^{4,d},
Mohd Sollah bin Mohamed^{5,e}**

^{1,3,4,5}Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Kelantan, Malaysia

²Jabatan Bahasa Inggeris
Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

^abaharim424@kelantan.uitm.edu.my, ^bramizan@umk.edu.my, ^cluqman701@kelantan.uitm.edu.my,
^drazimi91@kelantan.uitm.edu.my, ^esollah@kelantan.uitm.edu.my

Kata kunci: aspek kesantunan, konsep ‘muka’, institusi masjid

Abstrak. Aspek kesantunan telah banyak dikaji dalam pelbagai bidang dan budaya. Dalam mengkaji aspek kesantunan dalam ekspresi diri, pengucapan dan tindakan, teori yang diutarakan oleh Levinson and Brown (1987) banyak digunakan untuk membincangkan kaedah dan kesan kesantunan dalam interaksi sosial, umumnya dalam interaksi verbal. Menurut Levinson dan Brown (1987), strategi kesantunan digunakan untuk menghasilkan mesej bagi menjaga imej diri dan perasaan individu yang terlibat di dalam satu konteks interaksi terutamanya dalam situasi yang tegang atau berisiko negatif. Berdasarkan teori Brown dan Levinson (1987), terdapat beberapa jenis strategi kesantunan iaitu bald on-record, kesantunan positif, kesantunan negatif, kesantunan langsung atau tidak langsung dan juga konsep ancaman terhadap konsep ‘muka’ (the face-threatening act). Kajian ini membincangkan aspek kesantunan pada notis atau papan tanda yang dipaparkan di masjid-masjid dan rumah ibadat orang Islam di Malaysia, khususnya notis yang ditujukan kepada kanak-kanak dari aspek penggunaan bahasa; sama ada ianya mencerminkan sikap mesra terhadap kanak-kanak atau sebaliknya. Analisa dari segi bahasa kesantunan mencadangkan bahawa cara penulisan di papan tanda di masjid boleh diperbaiki supaya ianya tampak lebih mesra kanak-kanak dan tidak menonjolkan sikap negatif terhadap kehadiran mereka di masjid.

Pengenalan

Salah satu kajian dalam bidang bahasa merupakan perkaitannya dengan aspek kesantunan. Aspek kesantunan seringkali dikaitkan dengan aspek budaya sesuatu kumpulan manusia atau kaum. Sebagai contohnya di Malaysia, kesantunan merupakan aspek yang sangat sinonim dengan kaum majoritinya iaitu Melayu yang beragama Islam. Agama Islam telah banyak mempengaruhi budaya masyarakat Melayu dan juga kaum-kaum lain yang juga beragama Islam dalam memahami dan mengamalkan konsep kesantunan dalam amalan seharian mereka.

Definisi kesantunan dan teori

Kesantunan dari sudut bahasa adalah bermaksud kesantunan, kesopanan, kehalusan budi bahasa atau budi pekerti baik dalam bahasa lisan ataupun tulisan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Pengguna bahasa yang baik boleh meningkatkan keberkesaan pembaca atau pendengar untuk menafsir makna dengan lebih berkesan (Mohd Baharudin & Mohd Khairie, 2009). Kesantunan dalam berbahasa juga merujuk kepada penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pihak pendengar (Asmah Hj. Omar, 2002).

Brown & Levinson (1987) menjelaskan definisi kesantunan menggunakan konsep ‘muka’. Dalam menjelaskan konsep ini, mereka memperkenalkan konsep muka positif dan negatif, ancaman kepada muka, dan strategi kesantunan. Konsep ‘muka’ yang diperkenal adalah imej sendiri yang cuba dipertahankan oleh seseorang. Ini adalah kerana adanya ancaman berbentuk negatif dan positif terhadap ‘muka’ atau imej sendiri di mana penggunaan bahasa menyebabkan berlakunya rasa tidak selesa kepada pendengar atau pembaca.

Pengamalan agama Islam dan peranan institusi masjid di Malaysia

Agama Islam telah lama bertapak di Tanah Melayu iaitu sekitar abad ke-11 hingga abad ke-14. Kehidupan masyarakat di negara ini terutama bangsa Melayu sudah sehati dengan agama Islam. Sejak dari penerimaan Islam oleh masyarakat di sini, amalan-amalan berkaitan dengan agama Islam telah diamalkan dalam pelbagai aspek kehidupan, tidak terkecuali kepada aspek akidah sahaja. Dari aktiviti-aktiviti besar seperti amal ibadah, sambutan hari raya, urusan nikah kahwin, pengurusan jenazah, kenduri hinggalah kepada amalan seharian seperti bertegur-sapa, bersosial dan sebagainya, Islam

telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan budaya masyarakat di negara ini terutama masyarakat Melayu.

Kebanyakan aktiviti-aktiviti keagamaan ataupun aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang lain adalah dijalankan di masjid-masjid atau surau-sarau. Insititusi masjid telah menjadi sebuah institusi yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Islam seperti yang telah ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW setelah baginda berhijrah ke kota Madinah. Baginda membina masjid untuk dijadikan bukan sahaja tempat untuk beribadah, tetapi juga sebagai pusat aktiviti umat Islam pada ketika itu. Masjid memiliki kedudukan penting pada zaman baginda SAW kerana ia bukan sahaja dijadikan pusat dakwah, pusat pentadbiran dan penyebaran dakwah, tetapi turut digunakan untuk menyambut duta dan utusan dari pelbagai negara, bertemu para sahabat, menyampaikan ilmu serta menjadi tempat mula pergerakan tentera (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2016).

Di Malaysia, peranan institusi masjid sentiasa berkembang sesuai dengan peredaran semasa. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan bukan sahaja melibatkan ibadah solat semata-mata tapi turut menyelitkan sesi-sesi kuliah, bacaan al-Quran dan sebagainya. Untuk menarik golongan kanak-kanak serta remaja supaya mendekati masjid, pihak masjid di seluruh negara juga menganjurkan program-program dengan golongan tersebut seperti program musim cuti sekolah, sukan dan lain-lain. Semua program-program anjuran masjid adalah bertujuan menarik segenap lapisan masyarakat untuk mendekati masjid seterusnya membuka hati mereka untuk beribadah atau bersolat secara berjemaah di masjid sepertimana tuntutan agama Islam (Nurul Husna Mansor et al, 2011)

Di sini jelas menunjukkan bahawa masjid adalah untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira usia. Walaupun terdapat hadith daripada Muaz bin Jabal RA bahawa Nabi SAW bersabda, “*Jauhilah masjid-masjid kalian daripada anak-anak kecil kalian*”, Imam al-Baihaqi mengatakan hadith ini *marfu’* tetapi tidak sahih (Zulkifli Al-Bakri, 2016). Zulkifli Al-Bakri (2016) turut menyatakan bahawa memberi galakan kepada kanak-kanak ke masjid adalah lebih *aula* sebagai latihan dan *tamrin* untuk memupuk rasa cinta ke masjid. Walaubagaimanapun, menurut beliau, sekiranya kanak-kanak itu dikhuatiri mengganggu jemaah lain, maka sebaiknya tidak dibawa ke masjid seperti yang dinyatakan Imam Malik “*Sekiranya kanak-kanak itu tidak mengganggu orang lain maka tidak mengapa, jika sebaliknya maka sebaiknya tidak di bawa ke masjid*”.

Penyataan masalah

Ibadah solat merupakan kewajipan utama dalam Islam yang seringkali dikaitkan sebagai tiang agama. Tanpa solat, maka tidak sempurna amalan seharian seorang penganut Islam. Amalan solat ini diwajibkan untuk didirikan samada di masjid-masjid, surau-sarau ataupun di rumah. Walaubagaimanapun, kelebihan mendirikan solat di masjid secara berjemaah adalah lebih diutamakan kerana ia mempunyai beberapa kelebihan. Menurut Syeikh Yusuf al Qaradhawi dalam Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016), daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, “*Orang-orang yang banyak berjalan ke masjid ketika gelap, mereka adalah orang-orang menceburkan diri dalam rahmat Allah*” - Riwayat Ibn Majah. Beliau juga menyebut hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik, bahawa Rasulullah SAW bersabda “*Berilah khabar gembira kepada orang-orang yang berjalan dalam kegelapan menuju ke masjid dengan cahaya yang sempurna pada hari kiamat*” - Riwayat Abu Daud dan Ibn Majah. Sehubungan itu, segenap lapisan umur penganut agama Islam adalah digalakkan untuk menunaikan ibadat solat di masjid termasuklah kanak-kanak bagi mendidik mereka untuk melakukan kewajipan tersebut.

Islam telah menetapkan beberapa garis panduan untuk kanak-kanak yang pergi menunaikan solat berjemaah di masjid. Hukum membawa kanak-kanak terbahagi kepada dua iaitu 1) kanak-kanak dilarang untuk dibawa ke masjid dan 2) kanak-kanak dibolehkan untuk hadir ke masjid (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2016). Menurut beliau, sebahagian fuqaha Malikiyyah, Hanabilah, dan Syafieyyah berpendapat bahawa kanak-kanak yang belum mumayyiz dilarang atau tidak dibenarkan untuk masuk ke dalam masjid yang disandarkan pada hadis Nabi SAW, “*Jauhilah masjid-masjid kalian daripada anak-anak kecil kalian*”. Berikutan dengan hadith dan pandangan sebahagian fuqaha tersebut, terdapat masjid-masjid di Malaysia yang meletakkan beberapa syarat kepada kanak-kanak berkenaan kehadiran mereka di masjid-masjid. Walaubagaimanapun, berdasarkan pemerhatian, syarat-syarat yang diterjemahkan dalam bentuk papan-papan tanda di masjid-masjid dilihat sebagai tidak menepati aspek kesantunan dari sudut bahasa.

Papan-papan tanda sebegini, walaupun bertepatan dengan hukum pertama yang dinyatakan Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016) di atas, ia dilihat tiada nilai-nilai kesopanan yang ada dalam aturcara kehidupan Islam dan masyarakat negara ini seterusnya menyebabkan kurangnya motivasi kanak-kanak tersebut dan ibu-bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka hadir ke masjid bersama mereka untuk solat berjemaah atau melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan yang lain.

Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana notis-notis atau papan tanda di rumah ibadah Islam iaitu masjid telah memberi kesan terhadap konsep kesantunan yang sepatutnya diamalkan oleh umat Islam dan masyarakat negara ini. Ia juga bertujuan untuk melihat impak daripada penggunaan papan tanda sedemikian dalam pembentukan generasi umat Islam pada hari ini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan teori Brown & Levinson (1978) sebagai kerangka kerja untuk mendasarkan dapatan dan perbincangan. Teori kesantunan menitik berat konsep ‘muka’ yang merujuk kepada maruah dan harga di dalam konteks sosial. Berdasarkan teori Brown & Levinson (1978), kesantunan perlu ditonjolkan dalam kesemua bentuk komunikasi termasuklah komunikasi bukan verbal seperti penggunaan papan tanda atau notis di masjid-masjid atau surau-sarau.

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan data diperoleh melalui pemerhatian di masjid-masjid sekitar Malaysia. Setelah objektif dan permasalahan kajian dikenalpasti, pemerhatian ke atas papan-papan tanda di masjid-masjid telah dilakukan. Pemilihan masjid adalah dilakukan secara rawak dan kutipan data dihentikan setelah data yang diperolehi mencukupi untuk tujuan perbincangan dalam kajian ini.

Dapatan dan Perbincangan

Dalam contoh-contoh papan tanda yang ditunjukkan, jika dilihat dari sudut teori Brown & Levinson (1987), kebanyakan papan tanda tersebut telah menyebabkan ancaman positif terhadap muka yang bermaksud penyampaian sesuatu maklumat adalah tanpa menghiraukan perasan atau keinginan pembaca. Ia juga, menurut teori Brown & Levinson (1987), menunjukkan bahawa maklumat pada papan tanda tersebut dipamerkan dengan menganggap pembaca, iaitu kanak-kanak dan juga ibu-bapa, sebagai entiti yang tidak penting.

Penggunaan Papan Tanda Masjid dengan Pemilihan Kata yang Kurang Sesuai

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016) menyatakan bahawa memakmurkan masjid bukan sahaja melalui pembangunan masjid secara fizikal tetapi juga dengan menghadirkan diri ke masjid. Antara aktiviti yang dikatakan memakmurkan masjid adalah bertasbih, membaca, duduk dalam halaqah ilmu, menunggu untuk solat dan membaca al-Quran.

Kebanyakan papan tanda yang di pamerkan menjuruskan atau bertumpu kepada kanak-kanak sekitar umur 5 tahun hingga 7 tahun sedangkan umur tersebut adalah umur yang baik untuk pendedahan dan latihan kepada mereka untuk hadir ke masjid. Di dalam Bayan Linnas Siri 63, Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016) menjelas dua hadith untuk menyokong pendapat yang membenarkan kanak-kanak kecil untuk hadir ke masjid. Hadith pertama adalah daripada Abu Qatadah R.anhu iaitu “*Aku melihat Nabi s.a.w mengimami solat sedang mendukung Umamah binti Abi al-As yang juga anak perempuan Zainab binti Rasulillah SAW. Apabila Baginda rukuk diletakkannya dan apabila bangun dari sujud Baginda mengangkatnya semula*”. (Riwayat Muslim, no. Hadith 845). Hadith kedua yang doi ketengahkan adalah diriwayatkan oleh Anas bin Malik R.anhu “*Sesungguhnya aku masuk ke dalam solat dan aku hendak memanjangkannya. Kemudian aku mendengar suara tangisan kanak-kanak maka aku ringkaskan (solat)*” - Riwayat al-Bukhari (666) & Muslim (723)”. Berdasarkan kepada dua hadith ini, ia menunjukkan bahawa kehadiran kanak-kanak ke masjid adalah dibolehkan. Ini jelas menunjukkan bahawa papan tanda yang dipamerkan di di beberapa masjid sekitar Malaysia adalah tidak bertepatan dengan apa yang dianjurkan Islam.

Melihat isu ini dari sudut teori kesantunan Brown & Levinson (1987), tindakan menaikkan papan tanda yang melarang atau tidak menggalakkan kanak-kanak untuk hadir atau masuk ke dalam masjid telah mengancam (threatened) konsep ‘muka positif’ pembaca iaitu kanak-kanak dan juga ibu-bapa penjaga. Seperti yang dinyatakan oleh Brown & Levinson (1987), pihak masjid telah menunjukkan rasa tidak setuju mereka terhadap kehadiran kanak-kanak ke masjid dalam dua cara. Cara pertama adalah melalui kaedah langsung (direct) atau tidak langsung (indirect) dalam penulisan papan tanda. Manakala pada kaedah kedua, pihak masjid menyatakan bahawa bahawa perbuatan kanak-kanak ke masjid atau ibu-bapa penjaga membawa bersama anak-anak mereka merupakan satu perbuatan yang salah.

Berikut adalah contoh papan tanda yang menggunakan kaedah pertama dan kedua.





Gambar di atas menunjukkan bahawa pihak masjid dengan keadah *bald on-record*, tidak bersetuju atau menganggap kehadiran kanak-kanak ke masjid adalah salah. Oleh sebab itu, papan-papan tanda seperti contoh di atas telah mengancam ‘muka positif’ kanak-kanak serta ibu-bapa penjaga dalam menyampaikan maklumat ini. Penggunaan kaedah *bald on-record* ini telah mengancam muka positif pembaca serta bertentangan dengan dapatan dari Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016) yang mentarjihkan bahawa kanak-kanak adalah dibolehkan untuk hadir besolat dan melakukan aktiviti bersesuaian di masjid.

Kesimpulan

Islam merupakan agama yang bersifat universal iaitu sesuai dianuti dan diamal oleh semua masyarakat dan umat manusia tanpa mengira peringkat umur dan zaman. Oleh itu, adalah amat penting bagi semua pihak termasuk pihak masjid atau surau di Malaysia secara khususnya untuk menjadikan masjid mesra kanak-kanak dan tidak melihat mereka sebagai suatu yang membawa masalah kepada jemaah lain yang hadir. Penggunaan papan tanda yang melarang sama sekali kehadiran mereka ke masjid juga tidak menepati konsep kesantunan yang ada dalam ajaran Islam dan juga budaya masyarakat di negara ini. Ancaman (face threatening act) terhadap wajah positif kanak-kanak dan ibu-bapa tidak sepatutnya berlaku terutama di dalam konteks peranan masjid ke atas masyarakat Malaysia pada hari ini. Keperibadian pihak masjid sebagai institusi dakwah dilambangkan oleh amalan kesantunan. Ia mampu menjadi daya pengaruh malah boleh menarik perhatian khalayak dalam menerima dan memahami mesej Islam dengan lebih jelas (Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkifli Aini, 2015). Sultan Muhammad al-Fateh pernah berpesan bahawa “Jika suatu masa kelak kamu tidak lagi mendengar bunyi bising gelak ketawa kanak-kanak riang di saf salat masjid-masjid, maka takutlah kalian akan kejatuhan generasi muda kalian masa itu”. Pesanan Sultan Muhammad al-Fateh ini amat berguna untuk dihayati oleh kesemua umat Islam supaya generasi Islam akan datang menjadi umat yang kuat dan cintakan masjid.

Rujukan

Abdul Mua’ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Brown, & Levinson, S.C. (1987). *Politeness: Some Universal in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press

Mohd Baharudin Othman & Mohd Khairie Ahmad. (2009). *Pengantar Komunikasi*. Kedah: Universiti Utara Malaysia (UUM).

Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkifli Aini. (2015). Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Dakwah. Persidangan Kebangsaan Komunikasi, Kemanusiaan, Sains Sosial dan Sains. Universiti Sains Islam Malaysia

Nurul Husna Mansor et al. (2011). Pembangunan Potensi Remaja Melalui Institusi Masjid: Satu Tinjauan di Lima Buah Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Konferen: Seminar Pembangunan Masjid. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2016). Bayan Linnas Siri 63: Masjid & Kanak-kanak. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. <http://muftiwp.gov.my/ms/bayan-linnas-cat/1154-bayan-linnas-siri-63-masjid-kanak-kanak?highlight=WyJrYW5hay1rYW5hayIsIm1hc2ppZCIsImthbmFrLWthbmFrIG1hc2ppZCJd>